

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

STW211 - Intervensi Sosial dengan Individu dan Keluarga

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 di **BAHAGIAN A** dan pilih **TIGA (3)** soalan yang lain dari **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A [WAJIB dijawab].**

1. Atan ialah seorang murid di Tingkatan II. Beliau tinggal di Kampung Atap. Sejak kebelakangan ini, prestasi pelajaran beliau kian merosot. Tambahan pula, beliau sering ponteng sekolah, mengacau budak lain dan merokok. Baru-baru ini beliau ditangkap oleh polis kerana mencuri sebuah kamera di Supermarket.

(a) Apakah maklumat tambahan yang anda perlu mencungkil jika anda menjalani intervensi sosial ke atas Atan.

(b) Berasaskan andaian anda mengenai situasi Atan, jelaskan rancangan intervensi yang akan dilaksanakan oleh anda.

[100 markah]

...2/-

**BAHAGIAN B** [Pilih **TIGA (3)** soalan sahaja].

2. Hepworth dan Larsen (1993) telah mengutarakan tiga (3) fasa dalam proses menolong. Sebutkan tiga (3) fasa ini dan huraikan komponen-komponen yang harus ditekankan dalam setiap fasa. Gunakan contoh.
- [100 markah]
3. Teori sistem adalah penting dalam pengendalian intervensi sosial.
- (a) Apakah teori sistem?
- (b) Jelaskan kegunaan teori ini dalam intervensi sosial dengan keluarga. Beri contoh.
- [100 markah]
4. Dalam pengendalian kerja kes, seorang pekerja sosial harus menggunakan dirinya secara profesyenal. Huraikan bagaimana aspek diri profesyenal ini dilaksanakan dalam intervensi sosial. Gunakan contoh dalam jawapan anda.
- [100 markah]
5. Beberapa pendekatan boleh digunakan dalam intervensi sosial. Pilih **satu (1)** pendekatan yang anda telah pelajari dan jelaskan dengan menggunakan contoh bagaimana pendekatan ini dilaksanakan.
- [100 markah]
6. Florence Hollis menekankan konfigurasi "person-in-situation" dalam proses menolong. Dengan menggunakan contoh, huraikan konfigurasi ini dalam pelaksanaan intervensi sosial dengan individu.
- [100 markah]